

11/03/2004

`Saya mahu balas jasa pemimpin'

EPISOD kejayaan Malik bukanlah hanya bersandar pada semangatnya yang kuat tetapi lebih dari itu-sokongan padu pemimpin negara terutama bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad, Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan Menteri Belia dan Sukan, Datuk Hishammuddin Tun Hussein.

Justeru, Malik yang amat berterima kasih dengan bantuan yang diterimanya mahu membalas kepercayaan yang diberikan itu dengan cuba melakukan sesuatu yang lebih mencabar bagi membuktikan rakyat Malaysia juga setanding malah bertaraf dunia.

"Niat mahu menawan Selat Bering supaya kita (Malaysia) boleh menjadi pengasas kepada sesuatu yang belum pernah dan belum mampu orang lain lakukan, biar kita jadi pengasas kepada laluan ini dan mendatangkan cabaran kepada orang lain.

"Saya mahu masyarakat dunia mencabar apa yang kita lakukan bukannya kita mencabar dan cuba lakukan apa yang mereka sudah mampu lakukan," kata Malik yang mahu mewujudkan kesinambungan supaya suatu hari nanti negara ini akan menjadi pelopor dalam melahirkan ramai jaguh maraton yang dikenali di dunia.

Kata-kata semangat Malik bukanlah setakat untuk menguatkan keazamannya bahkan lebih dari itu adalah untuk menyampaikan mesej yang generasi muda hari ini mampu melakukan apa saja asalkan berhati waja dan yakin dengan kebolehan diri sendiri.

"Pemimpin yang ada sekarang mahu melihat sesuatu daripada generasi muda tapi mereka nak tengok dulu apa yang kita mampu buat sebelum datang kepada kita dan beri bantuan, kita kena buat cadangan dulu barulah mereka menolong kita," katanya.

Menurutnya, kerajaan tidak pernah putus asa dalam membangunkan generasi muda sejak zaman Perdana Menteri Pertama, Tuanku Abdul Rahman Putra Al-Haj yang terus menyemai dan memupuk semangat keyakinan diri untuk berjaya hinggalah kepada pimpinan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

"Ketika saya berenang di Selat Inggeris dulu saya bertekad dalam hati yang saya sebagai rakyat Malaysia akan buktikan saya mampu lakukan, malu saya kalau tidak berjaya," katanya yang memegang teguh amanat seluruh rakyat negara ini agar dia berjaya dalam misinya itu.

Bantuan dan dorongan tidak berbelah bagi dari pemimpin tertinggi negara yang begitu yakin dengan kemampuannya sebagai generasi alaf baru yang dilahirkan dengan penuh kesenangan mendatangkan keinsafan pada dirinya untuk menghadiahkan sesuatu yang lebih bernilai untuk negara.

"Saya sedar kerajaan banyak membantu saya, jadi saya akan membantu mereka yang banyak membantu saya selagi termampu," katanya yang turut terbabit memberikan motivasi secara percuma selain menyumbang tenaga untuk memperkuatkan jentera pilihan raya.

Bagi Malik, generasi muda sepertinya harus berterima kasih dan menghargai kepimpinan yang sudah banyak memberikan kemudahan dan bantuan yang pastinya tidak akan dapat diperolehi oleh rakyat di negara lain dengan menyumbang sesuatu kepada negara di sebalik keamanan yang dikecapi.